



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyop: Bisyop Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,

88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | ccliikas@gmail.com

Trinita 7 - 14 Julai 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau mengutus Roh Kudus-Mu menjadi kehidupan dan terang Gereja-Mu; bukalah hati kami terhadap kekayaan kasih karunia-Mu, agar kami menghasilkan buah Roh dalam kasih dan sukacita dan damai sejahtera, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Markus 6:14-29

Pembacaan Berbalas-balas - 1 Raja-raja 17:1-16



berani tampil berbeza

'hambamu ini takut kepada TUHAN sejak kecil.'

- 1 Raja-raja 18:12

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. SELAMAT DATANG

Sambutan istimewa kepada Canon Robert & Puan Ruth Yun, dari Katedral St. Paul, Melbourne. Canon Robert akan berkhotbah di Kebaktian BC & BI. Sambutan istimewa juga kepada pasukan pujian & penyembahan dari Gereja St. Patrick, Tawau. Mereka akan melayani di Kebaktian BM.

2. PULANG DENGAN SUKACITA

- *Empowered-21* - Rev. Samuel mengetuai sepasukan seramai 20 orang dari gereja kita untuk menghadiri konferensi di Jakarta, Indonesia. Malam ini, pada Ibadah Doa Pujian, pukul 7:30 malam, mereka akan berkongsi pengalaman mereka menjadi di antara 11,000 orang penyembah - menyanyikan puji-pujian dan mendengar mesej yang menggalakkan.
- kumpulan evergreens gereja kita menikmati keseronokan Retret Warga Emas di Sandakan. Semua mereka pulang dengan selamat. Beberapa info menarik:
 - 516 peserta
 - di antara 3 peserta yang paling tua ialah Kwong, 96 (Twu); Yong, 91 (Twu); Chen, 90 (Sdk)
 - Pang Su Lee, 85 (CCL) menduduki tempat ke-8. tahniah!



3. TEROKAI KRISTIANITI

Sekitar 100 orang telah menghadiri kursus tersebut pada Ahad lepas. Satu permulaan yang baik. Kursus bersambung pada hari ini: BC - 10:00 pagi; BI - 12:00 tengah hari; dan, BM - 2:00 petang. Semua sesi diadakan di Dewan Alpha. 'TK' ialah kursus selama 7 minggu untuk memperkenalkan Yesus menerusi Injil Markus.



4. KERJA-KERJA KEBAJIKAN

Kami mengucapkan terima kasih kepada pasukan kebajikan gereja kita yang telah mengunjungi beberapa keluarga yang terjejas akibat banjir. Dan kami berterima kasih kepada mereka yang menderma wang tunai dan pelayanan untuk membantu menjayakannya.



5. 'ALLAH ELIA'

siri khutbah kita diteruskan:

- **14 Jul - Dia menyediakan: 1 Raja 17 (Kerit & Sarfat)**
- 21 Jul - Dia memelihara - 1 Raja 18a (Obaja)
- 28 Jul - Dia mendedahkan - 1 Raja 18b (gunung Karmel)
- 4 Ogos - Dia mencabar - 1 Raja 19 (Gunung Horeb)
- 11 Ogos - Dia memberi pembalasan - 1 Raja 21 (kebun anggur Nabot)
- 18 Ogos - Minggu Penetapan
- 25 Ogos - Dia menghakimi - 2 Raja 1 (penyembahan berhala Ahazia)
- 1 September - Dia memerintah - 2 Raja 2 (Kenaikan Elia)



6. PERSEKUTUAN DOA BAHASA CINA

khamis ini, 18 Julai, 8:00 mlm - di gereja (bilik mesyuarat) dan dalam talian (Meeting ID: 849 0600 4194 Passcode: 0224)

7. BENGKEL PENYEMBAHAN untuk pasukan pujian dan Paduan suara 27 Julai, Sabtu, di gereja kita, 9:30 pg-12:30 tghri. Dr. Esther Shin-Chuang, Korea, akan mengendalikan sesi-sesi pengajaran tersebut:

- pemahaman alkitabiah tentang penyembahan, dan cara memasukkannya dalam Kebaktian Umum.
- bagaimana untuk menilai dan memilih lagu-lagu penyembahan untuk Kebaktian Umum.
- latihan vokal dan cara menjalankan raptai pasukan pujian yang berkesan.

8. MINGGU PENETAPAN - 18 Ogos.

Bisyp Datuk Melter Tais akan datang melawat dan berdoa untuk dua kategori calon penetapan berikut:

- mereka yang dibaptis ketika mereka masih kecil;
- mereka yang dari latar belakang gereja lain tetapi kini ingin menyertai komuniti gereja Anglikan. Sila mendaftar.

9. PROJEK LABUR - terima-kasih!!

Terkini: RM95,887/- Minggu lepas: RM1,115/ - Masih diperlukan: RM504,113/-

10. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- Pertemuan **Evergreens** pada Sabtu, 20 Jul, Dewan Omega, 9:30 pg.
- 'Konferensi Penerobosan Doa', 15-17 September. Tarikh tutup:31 Julai.
- Gubahan **bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh Uncle Teo & keluarga.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Allah Elia
Allah Menyediakan
1 Raja-raja 17

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Antara semua burung yang anda tahu, yang manakah anda paling suka. kenapa?
2. Kongsikan apa yang anda ketahui tentang nabi Elia - dari pembacaan anda, semasa di Sekolah Minggu, yang didengar daripada rakan-rakan, dsb.
3. Baca 1 Raja-raja 17:1-7. Jika anda adalah Elia, adakah anda akan makan roti dan daging yang dibawa oleh burung gagak? Mengapa atau mengapa tidak?
4. Baca 1 Raja-raja 17:8-16. Jika anda di tempat janda itu, adakah anda akan mendengar perkataan Elia? Mengapa atau mengapa tidak? Apa yang berlaku apabila dia melakukannya? Apakah yang kita pelajari tentang Tuhan daripada kejadian ini?
5. Baca 1 Raja-raja 17:17-24. Apa yang akan anda lakukan jika anda adalah Elia? Bagaimana anda menerangkan respon Elia kepada Tuhan, ay20? Kecewa? Marah? keliru? Bolehkah kita marah kepada Tuhan dalam doa kita? Mengapa atau mengapa tidak? Baca Mazmur 44:23-26.
6. Daripada 3 kisah ini, apakah yang kita pelajari tentang 'Allah Elia'? Bagaimanakah Dia menyediakan keperluan kita pada hari ini? Melalui perkara kecil atau besar dalam hidup kita? Secara biasa atau luar biasa? Melalui orang percaya atau tidak? 'Jika Allah bukan Tuhan segalanya; maka Dia bukanlah tuan sama sekali'.
7. Berdoa untuk satu sama lain; untuk lebih beriman kepada Allah.

UNTUK DIDOAKAN

Negeri Sabah yang tercinta

- agar kemudahan asas mencukupi untuk rakyat, dan disediakan dengan cekap [berdoa untuk penyelesaian jangka panjang bagi masalah air di negeri kita]

Penjawat Awam yang dikasihi

- agar mereka berkhidmat kepada masyarakat dengan komitmen dan dedikasi [berdoa untuk anggota gereja kita yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam]

Diri kita sendiri

- agar kita tetap setia kepada Tuhan walau di mana sahaja Dia mengutus kita [berdoa untuk peluang agar dapat mengasihi orang lain dengan kasih Tuhan]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.